

MENJENAMAKAN MALAYSIA DALAM KERTAS PENYELIDIKAN

BRANDING MALAYSIA IN RESEARCH PAPERS

bin Ramli, S.; anak Usang, M. D.
Bahagian Teknologi Reaktor
Agensi Nuklear Malaysia (NUKLEAR MALAYSIA)
Bangi, 43000 Kajang, MALAYSIA
shaharum@nm.gov.my, mark_dennis@nm.gov.my

Abstrak

Hasil penyelidikan Malaysia adalah bertaraf dunia dan kertas penyelidikannya dibaca di serata dunia. Dengan ketampakan ini, unsur-unsur dalam kertas wajar disetempatan supaya pembaca tahu ia hasil kerja rakyat Malaysia. Kertas ini membincangkan dua unsur iaitu pernyataan nama penulis dan penyediaan gambarajah.

Abstract

Malaysian research results are world class and its research papers are read all over the world. With this visibility, some elements in the papers should be localized so that the readers know that this is the work of Malaysians. This paper discusses two elements i.e. statement of authors' name and preparation of diagrams.

Kata Kunci: penjenamaan, penyetempatan, Malaysia, kertas penyelidikan, nama, gambarajah

PENGENALAN

Hasil penyelidikan Malaysia adalah bertaraf dunia dan kertas penyelidikannya dibaca di serata dunia. Terbaru pada Jun 2014, Thomson Reuters, sebuah firma maklumat bisnes, telah menyenaraikan tiga orang saintis Malaysia dalam terbitannya yang berjudul The World's Most Influential Scientific Minds: 2014. Saintis Malaysia yang disenaraikan ialah Prof. Dr. Abdul Latif Ahmad, Prof. Dr. Ishak Hashim, dan Prof. Dr. Saidur Rahman.

Nama-nama mereka sebagaimana yang ditulis dalam laporan tersebut diberikan dalam Jadual 1. Perhatikan bahawa nama pertama Prof. Dr. Abdul Latif Ahmad dinyatakan sebagai "Abdul" sahaja, bukannya "Abdul Latif".

Jadual 1. Nama tiga orang saintis Malaysia yang disenaraikan

Last Name	First Name	Middle Name	Primary Affiliation	Country
Ahmad	Abdul	L	University Sains Malaysia, Malaysia	Malaysia
Hashim	Ishak		University Kebangsaan Malaysia, Malaysia	Malaysia
Saidur	Rahman		University of Malaya, Malaysia	Malaysia

Sumber: The World's Most Influential Scientific Minds: 2014

Unsur-unsur dalam kertas penyelidikan wajar ditempatkan supaya pembaca tahu ia hasil kerja rakyat Malaysia. Kertas ini membincangkan dua unsur tersebut iaitu pernyataan nama penulis dan penyediaan gambarajah.

PERNYATAAN NAMA PENULIS

*Harimau mati meninggalkan belang,
Gajah mati meninggalkan gading,
Manusia mati meninggalkan nama.*

Takrif: Orang baik meninggalkan nama baik.
Sumber: Pusat Rujukan Persuratan Melayu.

Saintis kurang dikenali ramai berbanding ketua-ketua negara. Saintis yang dimaksudkan di sini ialah mereka yang masih hidup kerana terdapat ramai saintis agung silam yang masyhur. Ketika Presiden Obama melawat Malaysia pada April 2014, media tempatan dan antarabangsa menyebut nama ketua negara Malaysia dan Amerika Syarikat sebagai masing-masing Perdana Menteri Najib dan Presiden Obama (Sumber: Next Up Asia)

Plat 1). Perhatikan bahawa Najib ialah nama pertama atau nama sendiri (Ig. first name) manakala Obama ialah nama keluarga (Ig. family name atau last name). Media telah menggunakan nama-nama yang lazim digunakan di negara pemimpin tersebut. Kedua-dua nama panggilan tersebut adalah selaras dengan budaya masing-masing.



Sumber: Next Up Asia

Plat 1. Perdana Menteri Najib dan Presiden Obama

Malangnya dalam bidang penulisan sains yang sepatutnya lebih arif tentang perbezaan budaya, pernyataan nama penulis mahu diseragamkan kepada penggunaan nama keluarga sahaja. Jelas perbezaan budaya tidak difahami tetapi mahu diseragamkan walaupun mustahil.

Di Malaysia, penyelidik bumiputera dan yang berketurunan India tidak mempunyai nama keluarga dalam erti kata yang sebenar. Jadi nama bapa diletakkan sebagai nama keluarga. Tetapi apabila mereka dirujuk dengan nama bapa, ia terasa janggal dan asing.

Terdapat ramai saintis semasa dan silam yang namanya mempunyai awalan, partikel, atau kata depan seperti al, da, de, ibn, van, dan von (Jadual 2). Contohnya Leonardo da Vinci disebut sebagai “da Vinci” dan bukannya “Vinci” sahaja. Vinci ialah nama tempat dan “da Vinci” bermakna “dari Vinci”. Kata depan “da” boleh juga menunjukkan nama saintis dari Itali. Sekiranya semua kata depan tersebut boleh diterima, kenapa tidak kata depan tempatan seperti bin, binti, anak, a/p, dan a/l?

Jadual 2. Contoh nama saintis termasyhur yang mempunyai kata depan

Nama Saintis	Erti Kata Depan	Negara Asal
al-Khwarizmi	al = dari	Parsi (kini Iran)
da Vinci	da = dari	Itali
de Coulomb	de = dari	Perancis
ibn Sina	ibn = anak	Bukhara (kini Uzbekistan)
van Leeuwenhoek	van = dari	Belanda
von Braun	von = dari	Jerman

Sumber: Famous Scientist

Penggunaan kata depan boleh memberikan makna yang sempurna kepada nama keluarga. Contohnya bagi nama penuh “Shaharum bin Ramli”, “Shaharum” bukan “Ramli”, tetapi “Shaharum” ialah “bin Ramli” (iaitu anak Ramli). Gaya ini juga mengelakkan ketaksaan kerana antara “Ramli” dan “Shaharum”, kita tidak pasti yang mana satu nama keluarga dan yang mana satu nama sendiri, tetapi kita terus dapat mengenal pasti bahawa “bin Ramli” ialah nama keluarga dan “Shaharum” nama sendiri. Beberapa contoh penggunaan kata depan tempatan diberikan dalam Jadual 3.

Jadual 3. Contoh penggunaan kata depan pada nama penyelidik

Nama Keluarga	Nama Pertama
bin Lebai Juri	Muhamad
binti Yusof	Norimah
anak Usang	Mark Dennis
a/p Ratnam	Chantara Thevy
a/l S. Kathiravale	Sivapalan

Melalui penggunaan yang meluas, lama kelamaan dunia akan mengenali hasil kerja penyelidik Malaysia apabila melihat kata depan “bin”, “binti”, “anak”, “a/p”, atau “a/l” pada nama penulis. Kata depan disyorkan ditulis bermula dengan huruf kecil dan dimulakan dengan huruf besar hanya pada permulaan ayat. Satu lagi kelebihan gaya ini ialah nama para penyelidik wanita akan lebih menyerlah dan tidak terlindung di sebalik nama lelaki. Contohnya “binti Yusof” ialah seorang saintis wanita.

Cabaran

Tiada masalah yang dijangkakan daripada pernyataan nama penulis gaya ini kerana penggunaan kata depan pada nama telahpun diterima dalam kalangan saintis antarabangsa. Lagipun semua penerbit jurnal antarabangsa akan menerima apa sahaja nama yang ditulis oleh saintis.


PENYEDIAAN GAMBARAJAH

Bagai kain menunjukkan corak bangsanya.

Takrif: Rupa dan gaya seseorang menunjukkan asal usulnya.
Sumber: Pusat Rujukan Persuratan Melayu.

Sumber: Rabir et al. 2012


Rajah 1 di bawah menunjukkan sebuah gambarajah yang dipetik daripada penerbitan sebenar. Pembaca yang mengimbas sekali lalu tanpa melihat sumber atau senarai rujukan besar kemungkinan akan menyangka ia telah dihasilkan oleh orang asing. Antara sebabnya ialah ia ditulis dalam Bahasa Inggeris sepenuhnya. Sebenarnya gambarajah yang amat baik ini adalah karya penyelidik NUKLEAR MALAYSIA dalam kertas Seminar R&D 2012.



Sumber: Rabir et al. 2012

Rajah 1. Contoh gambarajah petikan daripada penerbitan sebenar


Rajah 2 pula menunjukkan sebuah gambarajah yang dipetik daripada laman World Nuclear News. Walaupun laman ini berbahasa Inggeris, kita boleh tahu bahawa gambarajah ini telah dibuat oleh orang Jepun berpandukan tulisan dalam gambarajah. Selain itu kita juga tahu nama organisasi pencipta asal gambarajah.



Sumber: World Nuclear News

Rajah 2. Contoh gambarajah petikan daripada Internet

Sesebuah gambarajah sukar dicipta semula tanpa data asasnya. Oleh itu ia akan dipetik begitu sahaja. Berdasarkan fakta ini, penyelidik tempatan wajar menjenamakan Malaysia dalam gambarajah ciptaannya.



Rajah 3. Contoh gambarajah yang telah disetempatan dengan bahasa kebangsaan dan nama organisasi pencipta

Berpandukan Rajah 2, Rajah 3 menunjukkan Sumber: Rabir et al. 2012

Rajah 1 yang telah ditambahbaik melalui penyetempatan dengan tiga ciri berikut. Pertama, unsur-unsur dalam gambarajah ditulis dalam bahasa kebangsaan. Kedua, nama atau logo organisasi pencipta dimasukkan. Ketiga, bagi menambah daya tarikan gambarajah serta memperluas penggunaannya di peringkat antarabangsa, terjemahan dalam Bahasa Inggeris disertakan (dalam saiz huruf yang lebih kecil atau sama).

Cabaran

Tiada masalah yang dijangkakan dalam penerbitan dalaman dan kebangsaan. Dalam hal ini para penerbit diseru supaya menerima ciri-ciri gambarajah setempat ini.

Sedikit masalah dijangkakan dalam penerbitan antarabangsa kerana penerbit jurnal mungkin akan menolak penggunaan gambarajah yang tidak ditulis sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, gambarajah setempat mungkin boleh diterima jika ia adalah petikan daripada sumber pihak ketiga.

KESIMPULAN

Kertas penyelidikan boleh ditempatkan supaya pembaca tahu ia hasil kerja rakyat Malaysia walaupun ditulis dalam Bahasa Inggeris. Dua unsur yang boleh ditempatkan ialah pernyataan nama penulis dan penyediaan gambarajah. Kata depan disyorkan digunakan pada nama keluarga penulis, manakala gambarajah disarankan disediakan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Dengan penggunaan meluas gaya ini, pembaca akan lebih mudah mengenali saintis Malaysia apabila melihat kata depan bin, binti, anak, a/p, atau a/l pada nama penulis. Dan pembaca akan cepat mengenali gambarajah ciptaan penyelidik Malaysia apabila melihat perkataan-perkataan Bahasa Melayu dalam gambarajah.

RUJUKAN

The World's Most Influential Scientific Minds: 2014.

<http://thomsonreuters.com/articles/2014/worlds-most-influential-scientific-minds-2014>.

Pusat Rujukan Persuratan Melayu. <http://prpm.dbp.gov.my>.

Next Up Asia. <http://www.nextupasia.com>.

Famous Scientists. <http://www.famousscientists.org>.

Rabir et al. 2012. Modeling the PUSPATI TRIGA Reactor Using MCNP Code. Seminar R&D 2012 NUKLEAR MALAYSIA.

World Nuclear News. [http://www.world-nuclear-](http://www.world-nuclear-news.org/uploadedImages/wnn/Images/Fukushima_Radiation_map_2011_2012%201280x967.jpg)

[news.org/uploadedImages/wnn/Images/Fukushima_Radiation_map_2011_2012%201280x967.jpg](http://www.world-nuclear-news.org/uploadedImages/wnn/Images/Fukushima_Radiation_map_2011_2012%201280x967.jpg).